

**Kekalkan Khalid Sebagai MB Selangor Selagi Tiada Pelanggaran Amanah - Pas
Bernama
Aug 7, 2014**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Majlis Syura Ulama PAS memutuskan untuk mengekalkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar (MB) Selangor selagi beliau tidak disabit dengan sebarang kesalahan dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin negeri itu.

Majlis Syura itu yang bersidang semalam menyifatkan keputusan berkenaan dibuat berasaskan hukum syarak dan melihat kepentingan rakyat yang mesti mendahului kepentingan individu dan parti.

Perkara itu dinyatakan dalam kenyataan media yang disiarkan dalam laman web rasmi parti itu Khamis.

Ia menegaskan jawatan MB Selangor adalah hak bersama yang telah dipersetujui ketiga-tiga parti dalam Pakatan Rakyat untuk meneruskan Abdul Khalid sebagai MB di Selangor bagi penggal kedua selepas pilihan raya umum ke-13.

"Maka selagi tidak disabitkan sebarang pelanggaran terhadap amanah yang mewajarkan Menteri Besar itu digugurkan, Majlis Syura Ulama PAS memutuskan untuk mengekalkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor," kata kenyataan itu.

Bagaimanapun, Majlis Syura berkata sekiranya ada pertuduhan yang disabitkan bersalah kemudian oleh pihak berautoriti seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau mahkamah, ia bersedia menilai kembali kedudukan Abdul Khalid.

Isu MB Selangor hangat diperkatakan selepas Abdul Khalid didesak kepimpinan partinya sendiri iaitu PKR supaya melepaskan jawatannya bagi memberi laluan kepada presiden parti itu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai MB baharu.

Abdul Khalid turut menerima tamparan apabila menerima surat tunjuk sebab daripada Lembaga Disiplin parti itu atas dakwaan mengingkari keputusan Majlis Pimpinan Pusat berhubung pertukaran menteri besar.

Selain itu, Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution turut mengaitkan tindakan parti itu yang mahu Abdul Khalid berundur daripada jawatan MB adalah berdasarkan kepada keraguan berhubung integriti dan disiplin Abdul Khalid sepanjang memegang jawatan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058509>